

Teks Ucapan

**YBHG. PROF. DATUK DR. MOHD HARUN BIN ABDULLAH
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BENGKEL PENJANAAN PENDAPATAN UMS 2017
17 Mac 2017 | 8.30 pagi
Galeri Majlis, Bangunan Canselori**

Terima kasih Saudara/i Pengerusi Majlis.

1. Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi,
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
2. Yang Berbahagia Datuk Pengiran Hj. Mohd Hussein bin Datuk Pengiran Hj. Mohd Tahir Nasruddin, Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

3. YBhg. Datuk Mohamed Azahari Kamil,
Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan
Penjanaan Pendapatan UMS, yang juga
Penceramah Jemputan kita pada pagi ini

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pegawai-pegawai Utama Universiti, Para Dekan/Pengarah/Ketua Unit dari semua Jabatan/Fakulti/Pusat/Institut/Unit di UMS, serta Para Pensyarah dan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wataala* kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita diberikan keizinan untuk hadir dalam Bengkel Penjanaan Pendapatan UMS 2017 pada pagi Jumaat yang penuh keberkatan ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan semua peserta ke bengkel yang penting ini.

Yang Amat Berbahagia Tun serta hadirin dan hadirat sekalian,

Saya berpendapat, penganjuran bengkel ini amatlah bertepatan dengan cabaran yang kita hadapi sekarang. Penglibatan Yang Amat Berbahagia Tun serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti dalam bengkel ini menyerlahkan lagi peri pentingnya meningkatkan kesedaran agar semua warga UMS dari peringkat pengurusan tertinggi universiti hingga kepada kumpulan kakitangan pelaksana,

berusaha secara kolektif sebagai satu pasukan dalam mengharungi cabaran kewangan yang kita hadapi sekarang. Sebagaimana yang telah saya bentangkan semasa Majlis Amanat Naib Canselor 2017 pada 8 Mac lalu, tahun 2017 merupakan tahun yang agak mencabar bagi universiti awam di Malaysia termasuk UMS. Dengan pengurangan peruntukan kepada UMS sebanyak 23 peratus atau RM74 juta, kita perlu menjana sejumlah RM156 juta melalui sumber dalaman bagi menampung keperluan perbelanjaan hampir RM400 juta yang kita anggarkan pada tahun ini supaya kita boleh beroperasi dengan selesa,

tanpa menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan, terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P). Namun begitu, kita perlu mendepani cabaran ini dengan bersikap terbuka dan optimis bahawa kita mampu untuk mengharungi kekangan kewangan itu melalui perbelanjaan berhemah, mengoptimumkan penggunaan sumber aset dan kepakaran serta mempelbagaikan sumber kewangan dengan menceburi lebih banyak aktiviti yang boleh menjana pendapatan.

Bahkan, kita perlu lebih bersedia kerana dijangkakan dalam suasana ekonomi negara dan global yang kurang memberangsangkan seperti sekarang, cabaran kewangan sedemikian mungkin akan terus dihadapi untuk beberapa tahun yang akan datang. Kerajaan juga telah menyasarkan agar universiti awam mengurangkan kebergantungan mereka kepada sumber geran dari kerajaan dan kita perlu bersikap lebih serius dalam mencari kaedah untuk mempelbagaikan sumber kewangan.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati
sekalian,**

Saya juga ingin tekankan di sini bahawa usaha untuk menjana pendapatan bukanlah semata-mata untuk menampung kekurangan bajet yang dihadapi, sebaliknya ingin memastikan kelestarian sumber kewangan kita supaya kita lebih berdikari dari segi kewangan dan tidak lagi terlalu bergantung kepada geran kerajaan sebagaimana yang dihasratkan. Pada tahun 2016, walaupun kita telah berjaya menjana RM755 ribu melalui pelbagai aktiviti penjanaan pendapatan oleh JFPIU,

jumlah tersebut menunjukkan penyusutan sebanyak 33.6 peratus berbanding prestasi penjanaaan pendapatan pada tahun 2015. Oleh itu, pada hemat saya, penganjuran bengkel ini amat bertepatan dalam kita merangka strategi serta mencari jalan penyelesaian ke atas isu-isu yang berkaitan dengan penjanaaan pendapatan sebelum ini. Pada bengkel ini juga, selain dari JFPIU yang ada di UMS, kita juga disertai oleh anak syarikat UMS iaitu UMS Investment Holdings Sdn. Bhd. atau UiINVEST,

yang akan berkongsi maklumat tentang bagaimana UiINVEST dapat membantu kita menggalakkan lagi usaha-usaha penjanaaan pendapatan.

Hadirin hadirat sekalian

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YABhg. Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, penceramah kita, YBhg. Datuk Mohamed Azahari Kamil, Pegawai-pegawai Utama Universiti,

para Dekan, Pengarah, Ketua JFPIU yang turut bersama pada bengkel ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada penganjur Bengkel Penjanaaan Pendapatan UMS 2017 ini serta ahli jawatankuasa, khususnya kepada Pusat Pelaburan dan Endowmen serta Jabatan Bendahari UMS. Saya berharap agar kita semua dapat memanfaatkan bengkel ini dengan cetusan idea dan resolusi untuk meningkatkan penjanaaan pendapatan universiti.

Dengan lafaz “**Bismillahirrahmanirrahim**”,
saya merasmikan Bengkel Penjanaan Pendapatan
UMS 2017.

Sekian dan terima kasih.